

# Cameron buat tawaran gencatan senjata 40 hari di Gaza



**PENUNJUK** perasaan pro-Palestin mengadakan protes di luar Universiti Columbia di New York City, kelmarin. - AFP

**RIYADH:** Terdapat tawaran gencatan senjata selama 40 hari yang berterusan di Gaza sebagai pertukaran untuk pembebasan tebusan dan juga pembebasan beribu-ribu tahanan Palestin.

Tawaran itu dibuat Setiausaha Luar United Kingdom, David Cameron, semalam.

Cameron bercakap sedemikian pada panel terakhir mesyuarat khas Forum Ekonomi Dunia di Arab Saudi.

Cameron berkata, beliau berharap Hamas menerima cadangan yang kini berada di hadapan mereka.

Beliau juga menyatakan keraguan bahawa penyelesaian politik tidak akan selesai jika kepimpinan Hamas tidak meninggalkan Gaza.

“Orang yang bertanggungjawab bagi serangan 7 Oktober lalu perlu meninggalkan Gaza dan infrastruktur kumpulan berkenaan mesti dibongkar,” katanya sambil menambah



**Hamas tidak memihak kepada penyelesaian dua negara, mereka memihak kepada penyelesaian tanpa Israel.”**

bahawa semua tebusan mesti dibebaskan.

Selepas serangan 7 Oktober lalu oleh kumpulan berkenaan yang disokong Iran di Israel, lebih 200 tebusan diambil di mana lebih 100 masih ditahan di Gaza.

Memandang ke hadapan, beliau menambah, selepas pemberhentian dalam pertempuran, adalah penting untuk menjadikan gencatan senjata kekal dan menamatkan perang melalui proses politik.

Katanya, melabur kepada Pihak Berkuasa Palestin dan memastikan negara Palestin di samping Israel yang selamat adalah penting.

“Anda tidak akan pernah membawa keamanan dan kestabilan di Asia Barat melainkan anda menangani persoalan masa depan untuk rakyat Palestin.

“Hamas tidak memihak kepada penyelesaian dua negara, mereka memihak kepada penyelesaian tanpa Israel,” tambah Cameron.

Dua ramuan penting untuk hubungan Israel-Palestin yang stabil ialah sebuah negara untuk rakyat Palestin yang memberikan mereka maruah kenegaraan dan menjamin keselamatan Israel.

“Saya fikir itu sangat penting, kerana jika tidak, anda hanya akan menghadapi masalah berulang dengan cara yang berbeza,” katanya. - AGENSI